



*Ruj. Tuan* :  
*Ruj. Kami* : JK/MP 16 Jld.5  
*Tarikh* : 12 Jun 2012

Semua Hakim Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

Semua Majistret  
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar  
Mahkamah Sesyen / Majistret  
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 2 TAHUN 2012  
(GARIS PANDUAN REMAN DAN PENGENDALIAN KES-KES JENYAH  
SELARAS DENGAN PENUBUHAN YAYASAN BANTUAN GUAMAN  
KEBANGSAAN)**

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah ditubuhkan pada 25 Januari 2011 sebagai sebuah syarikat khairat. Tujuan penubuhan YBGK adalah untuk memberi bantuan dan nasihat guaman kes jenayah kepada golongan yang kurang berkemampuan supaya mendapat akses kepada keadilan sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal 3 Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan.

2. Mahkamah juga dianggap memainkan peranan penting dalam merealisasikan tujuan tersebut iaitu membantu YBGK untuk memastikan orang yang disyaki (OYDS) ketika prosedur tahanan reman dan orang kena tuduh (OKT) ketika perbicaraan adalah diwakili oleh peguam. Peranan mahkamah dalam dua keadaan di atas adalah seperti berikut:

**A. Semasa Pengendalian Tahanan Reman**

- i. Semasa menjalankan prosiding reman, Majistret hendaklah memastikan seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah dan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil 3/2003 iaitu Perintah

Penahanan di bawah seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah adalah sentiasa dipatuhi.

- ii. Dalam keadaan OYDS tidak diwakili oleh peguam, Majistret hendaklah memaklumkan kepada OYDS bahawa mereka berhak mendapatkan khidmat bantuan guaman daripada YBGK. Sekiranya OYDS enggan mendapatkan khidmat bantuan guaman tersebut, Majistret hendaklah meneruskan prosiding reman.
- iii. Majistret hendaklah memastikan khidmat bantuan guaman peguam YBGK hanya terpakai dalam prosiding reman jika;
  - a. OYDS adalah seorang warganegara; dan
  - b. OYDS tidak disiasat di bawah mana-mana undang-undang pencegahan, penculikan dan melarikan orang.
- iv. Jika OYDS memilih untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman YBGK, Majistret hendaklah mengarahkan Pegawai Penyiasat untuk menghubungi pihak YBGK. Majistret hendaklah menanggungkan pengendalian reman berkaitan untuk tempoh masa munasabah pada hari yang sama sementara menunggu kehadiran peguam YBGK.
- v. Jika tiada peguam YBGK hadir setelah tempoh masa munasabah diberikan, maka Majistret hendaklah meneruskan prosiding reman.
- vi. Semasa memulakan proses reman, Majistret hendaklah bertanyakan kepada OYDS dan mencatatkan di dalam minit reman berkenaan perkara-perkara berikut:
  - a. Layanan semasa di dalam tahanan pihak polis; dan
  - b. Keadaan kesihatan OYDS (sekiranya saspek memerlukan rawatan, mahkamah hendaklah mengarahkan saspek supaya dihantar ke hospital).
- vii. Prosedur yang sama terpakai bagi tujuan **permohonan lanjutan reman**.
- viii. Majistret hendaklah memastikan semua prosiding reman pada hari cuti hujung minggu dan cuti umum dijalankan di **mahkamah**. Seorang kakitangan mahkamah hendaklah turut hadir bagi membantu Majistret menjalankan prosiding reman pada hari-hari

tersebut. Arahan ini tidak terpakai kepada pusat tahanan yang mempunyai mahkamah yang telah digazetkan untuk tujuan reman.

- ix. Bagi tujuan penyeragaman minit reman, Borang seperti mana di **Lampiran A** hendaklah digunakan sebagai minit reman.

#### **B. Semasa OKT dituduh di Mahkamah**

- i. Semasa OKT dituduh di mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen / Majistret hendaklah memaklumkan kepada OKT bahawa mereka boleh mendapatkan khidmat bantuan guaman YBGK sekiranya OKT tidak diwakili oleh peguam pilihan sendiri.
  - ii. Khidmat bantuan guaman YBGK boleh diperolehi sehingga ke peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan.
  - iii. Khidmat bantuan guaman YBGK tidak terpakai bagi kes-kes yang melibatkan hukuman mati.
3. Pekeliling Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bil. 1 Tahun 2011 adalah dibatalkan.
  4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

s.k.

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Putrajaya  
YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
Sarawak

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
Sarawak

Pengarah  
Mahkamah Negeri  
Seluruh Malaysia

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

HELAIAN NO;.....  
 NO. KES:.....

**MINIT PERMOHONAN REMAN  
 DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN PROSEDUR JENAYAH**

TARIKH:..... OYDS : 1.....  
 MASA:..... 2.....  
 PEMOHON: INSP. SJN:..... 3.....  
 PEGUAM PILIHAN/YBGK:..... 4.....  
 (JIKA ADA) 5.....

1. TUJUAN PERMOHONAN DITERANGKAN KEPADA OYDS DAN MAHKAMAH BERPUASHATI OYDS FAHAM TUJUAN PERMOHONAN. MAHKAMAH PERLU MENANYAKAN KEPADA OYDS DAN MENCATITKAN:
  - (i) Layanan semasa di dalam tahanan pihak polis  
 .....
  - (ii) Keadaan kesihatan OYDS (sekiranya perlu, mahkamah hendaklah mengarahkan OYDS dihantar ke hospital)  
 .....
  
2. ALASAN PERMOHONAN
  - (i) .....
  - (ii) .....
  - (iii) .....
  - (iv) .....
  
3. JIKA TIADA PEGUAM, ADAKAH OYDS INGIN DIWAKILI OLEH YBGK [SYARAT:WARGANEGARA MALAYSIA & SIASATAN KES TIDAK MELIBATKAN UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN, PENCULIKAN DAN MELARIKAN ORANG].  
 .....  
 .....  
 .....  
 (ARAHKAN PEGAWAI PENYIASAT UNTUK MENGHUBUNGI YBGK UNTUK MENDAPATKAN KHIDMAT PEGUAM JIKA OYDS MEMILIH KHIDMAT PEGUAM YBGK)
  
4. HUJAHAN PEGUAM PILIHAN / PEGUAM YBGK / ADUAN OYDS / RAYUAN:
  - (i) .....
  - (ii) .....
  - (iii) .....
  - (iv) .....
  
5. SETELAH MAHKAMAH MENELITI PERMOHONAN DAN HUJAHAN / RAYUAN PEGUAM / OYDS, MAHKAMAH MENDAPATI:
  - (i) PERMOHONAN DITOLAK KERANA (NYATAKAN ALASAN):.....  
 .....  
 .....
  - (ii) OYDS DITAHAN.....HARI DARIPADA.....SEHINGGA.....  
 ATAS ALASAN PERMOHONAN DI PARA / NOMBOR.....DI LOKAP .....

.....  
 MAJISTRET/PENDAFTAR